

*Artikel*

**Royalscape Budaya: Representasi Aset Utama Pembudayaan Negara Bangsa**  
(*Royalscape Culture: Representation of the Nation's Cultural Assets*)

Zurina Ahmad Saidi, Zurinah Tahir\*, Jalaludin Abdul Malek & Mohd Yuszaidy Mohd. Yusof

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zurinahtahir@ukm.edu.my](mailto:zurinahtahir@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Budaya dikaitkan dengan pembangunan negara bangsa sesebuah negara. Pengaruh budaya ini merujuk kepada elemen kebudayaan seperti adat resam, nilai, sikap, norma dan kepercayaan. Umumnya, budaya dianggap sebagai satu set cara hidup bagi sesebuah kelompok masyarakat mahupun komuniti. Bandar Diraja Kuala Kangsar dikenali sebagai sebuah bandar warisan budaya. Bandar ini berkonsepkan bandar Diraja dan bandar warisan bersejarah yang jelas berdasarkan wujudnya bangunan-bangunan Kesultanan negeri Perak di sekitar bandar. Ia dilihat penting dalam menjadi aset utama dalam pembudayaan negara bangsa. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti representasi budaya di bandar Diraja Kuala Kangsar sebagai satu faktor pembentukan negara bangsa. Kaedah penyelidikan menggunakan data sekunder dengan analisis jurnal, laporan kerajaan dan temu bual secara berstruktur dengan pemegang taruh. Hasil dapatan menunjukkan sebagai sebuah bandar Diraja lama, Kuala Kangsar menekankan dan merepresentasikan ciri-ciri warisan sejarah dalam meningkatkan pembudayaan negara bangsa. Dari sudut pembangunan budaya di Kuala Kangsar, ia menyajikan satu bentuk budaya yang berbeza dengan budaya di bandar Diraja yang lain di Malaysia.

**Kata kunci:** bandar Diraja Kuala Kangsar, budaya, negara bangsa, warisan, sejarah

**Abstract:** Culture is associated with the nation-building of a country. The influence of culture refers to elements of culture such as customs, values, attitudes, norms, and beliefs. Generally, culture is considered as a set of ways of life for a group of society or community. Kuala Kangsar Royal Town is known as a cultural town. The town is conceptualized as a Royal Town and a historical heritage town based on the existence of the Perak State Sultanate buildings around the town. With this, it is seen as a crucial asset in the nation-building. Therefore, this study aims to identify the representation of culture in Kuala Kangsar Royal Town as a factor in nation-building. The research method used secondary data with an analysis of journals, government reports, and structured interviews with stakeholders. The findings indicate that as an old Royal Town, Kuala Kangsar emphasizes and represents the characteristics of historical heritage in enhancing nation-building. From the perspective of cultural development in Kuala Kangsar, it presents a different form of culture compared to other Royal Towns in Malaysia.

**Keywords:** Royal city of Kuala Kangsar, culture, nation country, heritage, history

---

**Pengenalan**

Kuala Kangsar merupakan salah satu bandar Diraja terawal yang berada di Tanah Melayu (Saidi et al., 2020). Bandar Diraja Kuala Kangsar dikenali dengan keunikan seni bina lama, imej identiti Diraja, kaya dengan budaya warisan lama dan mempunyai keaslian Diraja yang lain dari yang lain (Saidi et al., 2022; Daengbuppha et al., 2006). Terdapat pelbagai elemen yang mempengaruhi persekitaran bandar Diraja Kuala Kangsar seperti seni bina istana, kota-kota lama bersejarah, landskap, tapak-tapak suci, muzium, galeri dan arkib, kawasan

kediaman pembesar dan bangunan-bangunan kedai lama yang unik dan mempunyai sejarah tersendiri. Bandar Diraja Kuala Kangsar merupakan salah satu produk pelancongan bandar Diraja kerana ia merupakan satu institusi yang menarik dan unik. Terdapat pelbagai koleksi, pameran dan bangunan untuk kemudahan pelancong. Begitu juga dengan program-program yang diketengahkan untuk memberi pengalaman baharu kepada pelancong. Potensi bandar Diraja sebagai produk pelancongan adalah tinggi kerana faktor budaya, kesenian, warisan dan aktiviti kesenian dicatatkan sebagai di antara lima faktor utama yang menarik aktiviti pelancongan (Saidi et al., 2020). Rentetan daripada itu, satu kajian analitikal menggunakan dokumen kerajaan dan jurnal-jurnal terdahulu diaplikasikan dalam mengenal pasti representasi budaya di bandar Diraja Kuala Kangsar sebagai satu faktor pembentukan negara bangsa.

## Sorotan Karya

### 1. Budaya Sebagai Satu Rujukan Utama Pembudayaan Negara Bangsa

Budaya merupakan salah satu kategori yang mempengaruhi sesebuah pembangunan komuniti di dalam sesebuah kelompok masyarakat. Menurut Hsu dan Huang (2015) menjelaskan budaya merujuk kepada elemen kebudayaan dalam bentuk adat resam, nilai, sikap, norma dan budaya yang sedia ada dalam sesebuah komuniti. Ia adalah dalam bentuk konkrit termasuklah dalam bentuk seni, sastera, monumen dan lain-lain (Bourdieu, 1986). Budaya merupakan aset dalam aktiviti ekonomi yang berasaskan elemen kebudayaan, sama ada yang merangkumi warisan dan lain-lain untuk manfaat ekonomi sesebuah kawasan termasuklah untuk aktiviti pelancongan (Poria et al., 2006). Menurut Mollegaard dan Jaeger (2015) menjelaskan budaya merangkumi nilai-nilai yang dipegang dan diterjemahkan melalui gaya hidup.

Budaya secara umumnya dianggap sebagai satu cara hidup bagi sesebuah kelompok masyarakat atau komuniti. Menurut Oatey (2008) mentakrifkan budaya sebagai nilai-nilai, orientasi kehidupan, kepercayaan, dasar, prosedur, dan tingkah laku yang dikongsi dengan sekumpulan manusia atau kelompok dan akhirnya mempengaruhi tingkah laku setiap ahli dalam kelompok tersebut sehingga memberi sesuatu makna kepada kelompok itu. Namun demikian, menurut Bennett (2015) budaya merujuk kepada keseluruhan cara hidup masyarakat yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, nilai, norma dan kebolehan-kebolehan lain yang menjadi kebiasaan yang diperolehi oleh individu yang merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Budaya dirujuk sebagai kepercayaan, nilai dan simbol-simbol yang terdapat dalam kelompok masyarakat (Calver & Page, 2013). Budaya meliputi segala yang terdapat dalam masyarakat termasuklah gagasan, alatan material dan bentuk pengucapan iaitu segala ciptaan dan warisan hidup bermasyarakat. Justeru itu, berdasarkan takrifan budaya oleh pengkaji terdahulu, dapat dilihat kepelbagaian dan keragaman dalam penghuraian terhadap istilah budaya berdasarkan latar belakang bidang dan pemikiran pengkaji.

Menurut Jimura (2011) menjelaskan bahawa di peringkat masyarakat, terdapatnya tumpuan yang diberikan oleh masyarakat terhadap pencegahan dan pemuliharaan kerana disusuli dengan rasa bangga menjadi sebahagian daripada warisan dan untuk kelangsungan faedah bagi pembangunan masa hadapan. Walau bagaimanapun terdapat kegusaran dan kebimbangan terhadap sikap negatif terhadap pembangunan pelancongan terutamanya apabila warisan budaya dibayangi dengan aset komoditi di samping hilangnya momentum dan pencegahan semakin diabaikan. Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa pengalaman warisan membentuk identiti kolektif seseorang individu. Seterusnya, pengalaman atau kefahaman seseorang pelancong adalah menerusi konstruk kognitif yang negatif. Ia bermaksud faktor-faktor sosial dan budaya terhadap persepsi masih lagi tersimpan. Oleh itu, jarak sosiobudaya memberi kesan kepada pengalaman emosi dan kefahaman pelancong sewaktu di destinasi pelancongan warisan tersebut. Hal ini dijelaskan oleh Joseph dan Gilmore (1998) dan disokong oleh Poria et al. (2003) yang menjelaskan kepentingan pengalaman emosi sewaktu berkunjung di tapak dan destinasi warisan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat kajian-kajian lepas yang tidak menjelaskan secara terang terhadap jarak psikologi dengan peranan sosial-budaya yang berbeza telah mengenal pasti momentum antara jarak psikologi dengan pengalaman warisan (Leung et al., 2005). Ia menjelaskan terdapat tiga dimensi daripada kajian lepas iaitu sosial-budaya, ruang budaya dan pengalaman (*socio-cultural, spatial & experiential*). Ketiga-tiga dimensi tersebut termasuk dalam aspek ekonomi. Keunikan budaya di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan bangsa turut menjadi faktor pemilihan Bandar Diraja sebagai destinasi pelancongan.

Pelancong dapat merasai pengalaman meraikan pelbagai sambutan perayaan dan acara Diraja yang dianjurkan. Bandar Diraja juga dikenali dengan syurga makanan seperti masakan Melayu, Cina dan India. Masakan vegetarian dan masakan halal juga mudah di dapati dengan harga yang berpatutan. Budaya dilihat sebagai bukan material dan material. Budaya merupakan salah satu daripada faktor penggalak sesuatu aktiviti. Sesetengah sarjana menegaskan aspek nilai, budaya, agama, cara hidup dan budaya berupaya membentuk aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan sepanjang aktiviti melancong. Sebilangan sarjana juga memberi penegasan bahawa etnik juga merupakan penentu kepada budaya (Malcolm, 2004; Zeppel, 2002).

Jelasnya, semua aspek budaya yang ada di Malaysia adalah berasaskan kepada ritual keagamaan dan ritual kenegaraan. Kepelbagaian budaya telah dijadikan sebagai produk pelancongan hasil daripada pembinaan peradaban bangsa Malaysia itu sendiri. Peradaban Malaysia bukanlah satu peradaban yang berakar daripada satu benih tunggal tetapi satu peradaban yang terdiri daripada gabungan peradaban dan agama yang dianuti oleh semua kaum. Setiap budaya daripada kaum tersebut mempunyai sejarah, mitos, memori, mitos-legenda dan nostalgia serta unsur inti yang berbeza daripada kaum-kaum lain (Musa et al., 2010; Ambary, 1991). Unsur-unsur ini dengan sendirinya menyebabkan peradaban Malaysia itu satu peradaban yang bersifat segregasi kaum. Budaya merupakan asas yang menggambarkan pemikiran manusia, pelaksanaan, amalan cara hidup, adat dan upacara serta perayaan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kualitatif yang mana menggunakan penilaian dan perbincangan data sekunder iaitu laporan kerajaan, jurnal-jurnal terdahulu, laporan teknikal dan tinjauan naratif ke lokasi kajian. Terdapat tiga kaedah metod kajian iaitu kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data dan kaedah persembahan data. Data sekunder yang diperoleh daripada bahan kajian lepas berbentuk artikel sahaja. Sumber artikel yang diperoleh adalah daripada laman sesawang yang menyediakan bahan jurnal dan artikel.

### **Analisis Kajian**

#### **1. Bandar Diraja Kuala Kangsar**

Bandar Diraja Kuala Kangsar berkonsepkan bandar Diraja dan bandar warisan bersejarah dengan kewujudan asli bangunan-bangunan Kesultanan Negeri Perak di sekitar bandar ini. Bandar Kuala Kangsar mempunyai faktor tarikan utama adalah kerana mempunyai kerajaan Diraja selain daripada elemen-elemen serta konsep Diraja tersergam di seluruh kawasan Kuala Kangsar. Selain itu, status dan pengiktirafan bandar Diraja menjadi pemacu kepada pembangunan Kuala Kangsar. Kesan daripada status ini mengubah landskap pembangunan bandar ini. Pembangunan ekonomi, sosial dan politik seiring dengan perubahan yang berlaku seperti adanya pusat perkhidmatan dan infrastruktur, pusat pengajian dan pendidikan, sektor ekonomi dan pengurusan, sektor perumahan dan penempatan serta lain-lain pembangunan.

Kuala Kangsar pada asalnya dikenali sebagai 'Kuala Kangsar'. Ia merupakan salah satu bandar Diraja di Malaysia yang dikenali di Malaysia. Kuala Kangsar telah dijadikan produk pelancongan untuk memberi galakan kepada pelancong terutamanya pelancong domestik untuk berkunjung dan memaparkan rasa apresiasi yang tinggi terhadap bandar Diraja (Che Leh et al., 2013). Kuala Kangsar merupakan sebuah bandar Diraja dan salah satu bandar bersejarah bagi negeri Perak Darul Ridzuan. Di sini terletak Istana Iskandariah dan Masjid Ubudiah yang terkenal di seluruh negara (Malim Ghazali, 2011). Dahulunya ia dikenali sebagai 'Kuala Kurang Sa' yang diambil daripada kiraan orang dahulu sewaktu mudik sehingga ke suatu anak sungai di tebing kiri Sungai Perak yang ke seratus kurang satu atau Kuala Kurang Sa. Daripada panggilan Kuala Kurang Sa disebut Kuala Kangsar sahaja. Kuala Kangsar mendapat nama bersempena dengan sebatang pokok kangsar yang tumbuh di tebing sungai disertakan dengan versi Kuala Kurang Sa tersebut (Che Leh et al., 2013).

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mentadbir daerah Kuala Kangsar di samping daerah Sungai Siput (U), Padang Rengas, Pekan Manong, Pekan Sauk, Karai, Pekan Salak, Lintang dan Lasah. Terdapat sembilan (9) buah Mukim di dalam kawasan Daerah Kuala Kangsar iaitu Mukim Chegar Galah, Mukim Kota Lama Kiri, Mukim Lubok Merbau, Mukim Kampung Buaia, Mukim Senggang, Mukim Sayong, Mukim Kota Lama Kanan, Mukim Sungai Siput dan Mukim Pulau Kemiri (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Pembangunan Kuala Kangsar sebagai bandar Diraja diperkukuhkan melalui 6 teras pembangunan iaitu i) Pembangunan fizikal daerah Kuala Kangsar terancang dan bestari, ii) Pembangunan ekonomi berdaya saing berasaskan pelancongan dan pertanian, iii) Modal insan berkualiti dan masyarakat sejahtera berlandaskan keunggulan pendidikan Daerah Kuala Kangsar, iv) Pengukuhan imej dan identiti bandar Diraja negeri Perak, v) Pembangunan dan pengurusan alam sekitar mampan berdasarkan aset sedia ada dan vi) Mekanisme penggunaan dan pelaksanaan projek berdaya laksana. Di bandar Kuala Kangsar, pengukuhan memfokuskan kepada fungsi utama iaitu sebagai pusat pentadbiran daerah, tumpuan kepada kawasan kediaman utama dan kemudahan masyarakat peringkat daerah, pusat komersial dan perkhidmatan bertaraf sederhana dan tinggi, pusat perindustrian utama daerah (zon sederhana), pusat pengajian tinggi, pembangunan bandar Diraja negeri Perak dan akhirnya sebagai pusat tarikan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Daerah Kuala Kangsar mempunyai sembilan (9) mukim dengan keluasan daerah sebanyak 256,360.64 Hektar dengan keluasan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) sebanyak 204.494 Hektar (0.08%). Berdasarkan demografi mukim berkeluasan paling besar adalah di mukim Sungai Siput iaitu mencatatkan keluasan sebanyak 96,624.8 hektar dengan kekuatan 9 buah kampung. Seterusnya adalah mukim Pulau Kemiri dengan keluasan sebanyak 53,468.2 hektar (16 buah kampung), mukim Senggang berkeluasan 40,372.3 hektar dengan bilangan kampung 21 buah. Manakala mukim yang mencatatkan keluasan sebanyak 16,442.5 hektar dengan bilangan kampung sebanyak 22 buah adalah mukim Sayong. mukim Chegar Galah mencatatkan keluasan sebanyak 14,585.1 hektar dengan 13 buah kampung di bawah mukim ini.

Bagi mukim Kg. Buaya pula mencatatkan sebanyak 12,436.2 hektar (13 buah kampung). Seterusnya adalah keluasan mukim di bawah 10,000 hektar seperti mukim Kota Lama Kiri sebanyak 7,940.1 hektar (15 buah kampung), mukim Lubuk Merbau sebanyak 5,459.3 hektar (5 buah kampung) dan mukim Kota Lama Kanan mencatatkan keluasan sebanyak 5,396 hektar (16 buah kampung). Berdasarkan daripada kesembilan buah mukim ini mencatatkan sebanyak 127 buah kampung tradisional yang dipengerusikan oleh 127 orang Pengerusi MPKK, 14 buah kampung baharu dengan bilangan 6 orang Pengerusi MPKK dan 181 buah taman perumahan yang ada dengan 24 jawatankuasa perwakilan penduduk. Oleh itu populasi keseluruhan penduduk di Daerah Kuala Kangsar adalah sebanyak 173,100 orang (Portal Rasmi Pejabat Daerah & Tanah Kuala Kangsar, 2020).

Jadual 1. Keluasan mukim Kuala Kangsar

BP	Nama BP	Keluasan (Hektar)
1	Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri dan Sayong	31,920.97
2	Sg. Siput (U)	96,348.38
3	Kg. Buaya dan Lubok Merbau	18,537.43
4	Senggang	38,359.50
5	Chegar Galah dan Pulau Kamiri	71,194.36
<b>Jumlah Keluasan</b>		<b>256,360.64</b>

Sumber: RT Daerah Kuala Kangsar 2020 (2020)

Keluasan 3,996.73 hektar tanah telah dizonkan sebagai cadangan kawasan perumahan sehingga tahun 2020. Jenis perumahan yang dikenal pasti telah dibangunkan di sekitar Kuala Kangsar adalah rumah sesebuah, rumah berkembar, rumah teres, rumah kluster, rumah bandar, pangsapuri, perumahan awam, asrama pekerja dan asrama pelajar. Komposisi perumahan menunjukkan >4 hektar (> 10 ekar) telah digunakan iaitu sebanyak 20.0% (rumah kos rendah), 10.0% (rumah kos sederhana rendah) dan 10.0% (rumah kos sederhana). Piawaian perumahan di sekitar Kuala Kangsar menekankan beberapa aspek utama yang menjadikan kawasan perumahan selamat didiami. Antaranya adalah menyediakan tempat letak kenderaan kereta dan motor, mempunyai tanah lapang dan rekreasi. Kawasan perumahan yang mempunyai kependudukan sebanyak 1000 orang memperoleh 2 hektar tanah lapang untuk menyediakan kemudahan termasuklah taman permainan kanak-kanak, gelanggang sepak takraw, badminton, futsal, bola keranjang. Lain- lain kemudahan yang diperuntukkan di kawasan perumahan sekitar Kuala Kangsar adalah tadika, surau, dewan orang ramai, pejabat pengurusan, dan rumah sampah (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Landskap kawasan perumahan berbeza-beza mengikut kawasan penempatan. Bagi kawasan perumahan perkampungan, landskap sekitarnya berbentuk perkampungan dengan pokok-pokok besar melitupi sebahagian rumah, jarak antara satu rumah ke satu rumah yang lain juga berbeza-beza. Ini berbeza dengan kawasan perumahan terancang yang mana landskap di kawasan perumahan tersebut berstruktur dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Penanaman pokok renek jenis tidak beracun, berduri dan tidak mempunyai ciri-ciri berbahaya. Kawasan perumahan ini juga mempunyai pokok teduhan sepanjang laluan utama dan jalan-jalan penghubung, jenis pokok yang mudah di selenggara, bersaiz sederhana dan memberikan kesan teduhan. Di samping itu, kawasan perumahan di sekitar Kuala Kangsar telah menyediakan perabot jalan seperti tong sampah, siar kaki, lampu jalan, tempat menunggu dan papan tanda untuk memudahkan orang awam dan orang luar yang datang berkunjung ke Kuala Kangsar (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Seterusnya, terdapat beberapa jenis bangunan dijadikan sebagai pusat perusahaan dan perniagaan. Antaranya adalah rumah kedai, kedai pejabat, bangunan komersial sesebuah, tapak penjaja/ gerai dan juga pasar awam. Setiap bangunan yang dijadikan pusat pengkomisian telah mematuhi piawaian yang ditetapkan. Bagi kawasan perusahaan, terdapat beberapa panduan yang telah diaplikasikan. Antaranya adalah dengan menyediakan landskap kejur seperti kiosk, tong sampah, wakaf, papan tanda dan lampu jalan. Kawasan rekreasi yang terdapat di Bandar Diraja Kuala Kangsar memiliki kawasan lapang kekal yang boleh digunakan oleh masyarakat. Kegiatan rekreasi seperti di sungai perak dijadikan aktiviti utama pelancong seperti kegiatan memancing, berperahu dan tempat perkelahan kepada masyarakat (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Kegiatan sosioekonomi masyarakat setempat bukan sahaja memfokuskan kepada sektor pelancongan. Malahan sosioekonomi Kuala Kangsar memberi tumpuan kepada lima sektor utama yang lain iaitu pertanian, komersial dan perindustrian. Sektor pertanian seperti penanaman getah, kelapa sawit, padi dan lain-lain merupakan sektor kedua terbesar dalam penggunaan tanah di Kuala Kangsar. Tanaman kelapa sawit dan getah merupakan komoditi utama, diikuti oleh tanaman padi dan lain-lain seperti tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Seterusnya, masyarakat Kuala Kangsar juga mengusahakan aktiviti penternakan dan perikanan yang memberikan pulangan yang tinggi kepada pengusaha.

Seterusnya adalah aktiviti komersial di Kuala Kangsar menunjukkan perkembangan kepada sosioekonomi masyarakat. Hal ini demikian kerana Kuala Kangsar juga dikenali sebagai pusat industri kraf. Kepakaran masyarakat khususnya kepada industri seramik iaitu labu sayung, industri tekat dan anyaman. Kini, seramai 130 pengusaha telah berdaftar dan memperoleh pendapatan hasil jualan barangan kraf tangan mereka. Jenis komersial sosioekonomi masyarakat Kuala Kangsar seperti borong, runcit, hotel dan restoran, bengkel, kewangan, insuran dan hartanah, perkhidmatan sosial dan persendirian serta pejabat am. Produk pelancongan bandar Diraja Kuala Kangsar mempunyai kepelbagaian produk pelancongan. Antaranya adakah pelancongan sejarah sebanyak 20 produk, pelancongan seni, budaya dan warisan sebanyak 5 produk, pelancongan akuakekonomi iaitu sebanyak 5 produk, pelancongan agro sebanyak 3 produk, pelancongan sukan dan rekreasi sebanyak 8 produk dan pelancongan pendidikan sebanyak 8 produk. Kesemua 49 produk ini boleh dijadikan sebagai aset utama dalam membangunkan ekonomi daerah Kuala Kangsar. Produk-produk ini boleh dibangunkan secara mampan dan mendatangkan implikasi yang positif dalam meningkatkan tahap ekonomi masyarakat dan Kuala Kangsar (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Galakan terhadap pembangunan ekonomi yang praktikal dan menguntungkan akan mengukuhkan peranan Kuala Kangsar sebagai pusat pelancongan. Antara pembangunan ekonomi yang dilihat sebagai teras pembangunan adalah pusat-pusat perniagaan, dataran kangsar, pelantar benteng, medan selera sungai kangsar, fasad rumah lama, pedestrian pusat perniagaan, taman rekreasi sungai kangsar, street bazaar, bazaar square arena, TLK berpusat, pusat interpretif, taman permainan kanak-kanak, rumah kedai, jeti bot penambang, dataran lembah, medan selera Kuala Kangsar, Kangsar *Boardwalk*, Kangsar *Boulevard*, gelanggang rakyat dan hotel (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Penyediaan kemudahan utiliti dan infrastruktur menjadi tonggak utama dalam memajukan pelancongan bandar Diraja Kuala Kangsar. Penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang fleksibel, efisien dan pelbagai menjadi galakkan kepada pelancong berkunjung. Antara kemudahan utiliti dan infrastruktur yang dikenal pasti menyumbang kepada kemajuan pembangunan adalah kemudahan kesihatan, kemudahan pendidikan, kemudahan keagamaan, kemudahan sosial dan komuniti serta pengangkutan dan perhubungan. Kemudahan kesihatan yang lengkap meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk di sekitar daerah Kuala Kangsar.

Antaranya kemudahan yang disediakan di Kuala Kangsar adalah Hospital Kuala Kangsar, Klinik 1 Malaysia, klinik kesihatan awam dan swasta. Kesemua pusat kesihatan ini memainkan peranan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang baik kepada masyarakat. Kemudahan kesihatan ini telah memudahkan masyarakat dalam mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Ini kerana dengan bayaran RM1, masyarakat sekitar Kuala Kangsar boleh mendapat khidmat nasihat dan ubat-ubatan (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Kemudahan pendidikan dilihat sebagai salah satu medan ilmu kepada masyarakat dalam mengembangkan ilmu pengetahuan. Kemudahan pendidikan seperti institusi pengajian tinggi, kolej komuniti, sekolah harian memberikan implikasi positif kepada semua dalam melahirkan insan intelektual secara fizikal, emosi dan rohani. Persekitaran yang bersifat pendidikan mempengaruhi bandar Diraja Kuala Kangsar. Ia memaparkan nilai-nilai kemahiran, pengetahuan serta faedah berterusan. Kemudahan pendidikan di sekitar daerah Kuala Kangsar terdiri daripada Universiti atau kolej awam, kolej swasta, sekolah teknik dan vokasional, perpustakaan awam serta sekolah rendah dan menengah. Antaranya adalah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kolej Komuniti Kuala Kangsar, MCKK, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Rendah (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Seterusnya adalah kemudahan keagamaan menunjukkan kesemua pusat ibadah bagi semua jenis agama tersedia di Kuala Kangsar. Antaranya adalah Masjid-masjid utama, surau-surau di kawasan perkampungan orang Melayu, lain-lain tempat ibadat bukan Islam seperti gereja, kuil dan tokong serta tanah perkuburan. Masjid Ubudiah menjadi salah satu masjid yang menjadi kebanggaan masyarakat Kuala Kangsar dan lambang Kesultanan Sultan Negeri Perak. Semua bangsa tidak mengira kaum dan agama akan hadir dan melihat keindahan seni binanya. Masjid bukan sahaja dikunjungi oleh orang beragama Islam namun dikunjungi oleh bangsa lain juga. Begitu juga dengan kuil dan gereja yang mempunyai seni bina unik yang menjadi pilihan kepada kunjungan orang ramai. Pusat keagamaan ini bukan sahaja untuk beribadat tetapi digunakan untuk program dan acara lain seperti kelas agama, program kerakyatan dan lain-lain lagi (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, 2020).

Di samping itu, kemudahan sosial untuk komuniti yang disediakan di sekitar Kuala Kangsar adalah taman, kawasan rekreasi; lingkaran hijau (*Central Forest spine*), balai polis, balai bomba, dewan serba guna orang ramai, tandas awam, balai raya, taman tempatan dan kejiranan serta padang permainan. Kemudahan sosial ini bukan sahaja digunakan oleh masyarakat setempat tetapi pelancong yang berkunjung ke Bandar Diraja Kuala kangsar juga boleh menggunakan kemudahan ini. Bagi kemudahan infrastruktur, pengangkutan dan perhubungan pula menunjukkan terdapat sistem pembetulan berpusat, sistem pelupusan sanitasi dan pusat kitar semula. Begitu juga terdapat pencawang masuk utama, rangkaian jalur lebar tanpa wayar, stesen pemancar dan penerima. Begitu juga dengan pengangkutan yang menyediakan perkhidmatan *High Speed Rail* (Kuala Kangsar terletak pada jajaran laluan keret api), komuter, bas dan teksi. Kesemua kemudahan pengangkutan ini digunakan bukan sahaja oleh masyarakat setempat tetapi pelancong luar negara yang menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar 2020).

Pembangunan ekonomi berasaskan pelancongan merupakan objektif utama dalam memastikan bandar Diraja Kuala Kangsar dikenali. Oleh itu, dalam memastikan kunjungan pelancong ke Kuala Kangsar meningkat, pelbagai pakej dan promosi pelancongan berdasarkan produk yang berpotensi dan unik perlu diperluaskan bagi menggalakkan kedatangan pelancong. Pihak berkepentingan juga perlu menaiktarafkan pembangunan infrastruktur, khidmat sokongan dan rangkaian pemasaran ke tahap maksimum bagi kawasan-kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong (Majlis Perbandaran Kuala Kangsar 2020; Badan Pelancongan Daerah Kuala Kangsar 2020).

## 2. Tarikan Utama Pelancongan Di Bandar Diraja Kuala Kangsar

Tarikan utama yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah lima destinasi utama iaitu Istana Iskandariah, masjid Ubudiah, Jambatan Kereta api Victoria, makam Diraja dan MCKK. Tarikan utama merupakan langkah efektif untuk menarik minat dan kunjungan pelancong ke Kuala Kangsar. Pada zaman dahulu istana didirikan di sebuah penempatan berhampiran dengan sumber air. Kebiasaannya didirikan di pesisir sungai (Daeng et al., 2020). Ini dibuktikan sendiri oleh Istana Iskandariah yang berada berhampiran dengan pesisir sungai Perak.

Tarikan pertama adalah Istana Iskandariah terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar yang menjadi mercu tanda sistem Raja Berpelembagaan dan Kesultanan Perak. Istana ini dinamakan sebagai Iskandariah bersempena nama *Sultan Iskandar Shah Ibni Almarhum Sultan Idris Murshidul Azzam Shah I Rahmatullah* yang mengarahkan pembinaan istana ini. Istana Iskandariah secara rasminya siap dibina pada tahun 1933. Proses pembinaan Istana Iskandariah selama tiga tahun bermula tahun 1930. Reka bentuk corak Istana Iskandariah cukup istimewa dan menarik kerana bermotifkan gerbang tajam atau *pointed arch*. Kubah menari juga berbentuk bawang atau *onion shapes dome* yang membawa pengaruh seni bina Islam India *Saracenic* dengan adunan seni bina corak Asia Barat. Secara keseluruhannya, keluasan Istana Iskandariah adalah seluas 11,468-meter persegi dengan mempunyai bangunan tiga tingkat yang berlainan fungsi (Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak, 2020).



Rajah 1. Istana Iskandariah dan Istana Kenangan (Istana Kuning)

Sumber: Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak (2020); Kajian lapangan (2020)

Tarikan kedua adalah masjid Ubudiah yang siap dibina sepenuhnya pada tahun 1917 dan dirasmikan oleh Sultan Abdul Jalil Karamatullah Shah (1913-1918). Masjid Ubudiah kadang kala dikenali sebagai masjid Diraja Ubudiah kerana ia dianggap salah sebuah masjid terindah di Malaysia. Masjid Ubudiah ini menjadi simbol kebanggaan penduduk di Kuala Kangsar. Reka bentuk masjid Ubudiah ini sangat unik dan menarik kerana ia membawa pengertian yang berbeza-beza. Ia diinspirasikan daripada seni bina Mughal dengan reka bentuk 'kuih lapis'. Terdapat empat buah menara setinggi 126 kaki dan dikelilingi kubah-kubah di bahagian dalam. Menariknya adalah masjid ini berbentuk *octagon*. Penggunaan batu marmar berwarna merah dan putih diimport dari Itali dan London menghiasi bahagian dalam dan lantai masjid Ubudiah. Masjid Ubudiah diiktiraf kerana nilai seni reka yang bermutu tinggi sehingga mendapat pengiktirafan pelbagai pihak. Binaannya memberikan sumber inspirasi kepada seni bina tradisi Melayu. Menariknya masjid ini kerana ia mempunyai ruang solat yang luas. Ia dilengkapi dengan sebuah kubah utama dan beberapa kubah kecil yang berwarna keemasan.



Rajah 2. Masjid Ubudiah

Sumber: Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak (2020); Kajian lapangan (2020)

Kini, masjid Ubudiah ditadbir oleh Jawatankuasa Tadbir Masjid Ubudiah yang dipengerusikan oleh individu yang dilantik oleh Paduka Seri Sultan. Kebiasaannya penyandang jawatan adalah Orang Kaya Temenggong Paduka Raja mahupun Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja dan jawatan Setiausaha pula adalah dalam kalangan pegawai kerajaan yang berkhidmat di Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Masjid Ubudiah Bukit Chandan kelihatan sangat menarik bermula dari luar bangunan. Ia sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terkawal kerana mempunyai jagaan keselamatan yang tinggi. Kedudukan masjid Ubudiah yang berdekatan dengan pusat awam memudahkan pelancong dan masyarakat setempat menggunakan kemudahan ini untuk menunaikan tuntutan agama Islam (Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak, 2020).



Rajah 3. Jambatan Victoria

Sumber: Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak (2020); Kajian lapangan (2020)

Tarikan ketiga merupakan jambatan Victoria yang dikenali juga sebagai Jambatan Enggor merupakan sebuah jambatan kereta api yang terletak di Pekan Karai, Kuala Kangsar. Keunikan jambatan Victoria ini adalah kerana ia merentangi sungai Perak yang mana sungai Perak merupakan sungai kedua terpanjang di Semenanjung Malaysia. Jambatan Victoria dibina pada tahun 1897- 1900 dan dirasmikan pada 21 Mac 1900 oleh Sultan Idris Mursyidul Azzam Shah (Sultan Perak) dan Sir Frank Swettenham iaitu Residen Jeneral negeri-negeri melayu bersekutu. Jambatan Victoria ini menggunakan bahan binaan seperti galang besi kekisi



dan batu bata. Penggunaan asal Jambatan Victoria adalah sebagai laluan kereta api dari Perai ke Johor Bahru dengan berfungsi untuk mengambil atau menghantar timah serta dijadikan sebagai pengangkutan awam. Kini ia digunakan sebagai laluan pejalan kaki dan penunggang motosikal. Ia merupakan salah satu destinasi wajib kunjung melancong ke bandar Diraja Kuala Kangsar (Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak, 2020).



Rajah 4. Bangunan MCKK  
Sumber: Laman Rasmi Kolej Melayu Kuala Kangsar (2020)

Tarikan keempat merupakan bangunan 'Big School' MCKK. MCKK telah tersenarai sebagai bangunan warisan kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ditubuhkan pada 2 Januari 1905 dan menjadi sekolah perdana di Malaysia serta kedudukannya terletak di tengah-tengah bandar Diraja Kuala Kangsar. MCKK merupakan satu-satunya kolej yang dinaungi oleh Majlis Raja-Raja. MCKK gah kerana ia telah bertapak sehingga 2023 selama 118 tahun. MCKK dianugerahkan gelaran sebagai '*Cluster School of Excellent*' oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). MCKK dikenali dalam kalangan 20 buah sekolah di Malaysia yang mempunyai kriteria ketat dalam pengambilan dan kemasukan pelajar. Antaranya adalah pencapaian akademik, kekuatan alumni, pengiktirafan peringkat antarabangsa, rangkaian dan hubungan. Sekolah MCKK ini mempunyai pengkhususan dalam sukan ragbi dan bola keranjang. Bagi tujuan pengekalan imej dan identiti di sekitar MCKK dan sebagai tarikan utama di Kuala Kangsar, zon warisan pendidikan adalah di seluruh kawasan MCKK, Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford termasuklah kawasan padang sekolah, Menara Pavilion dan bangunan hospital pertama. Zon warisan pendidikan ini menekankan warisan imej dan identiti serta reka bentuk sedia ada yang sentiasa dikekalkan. Dalam mengukuhkan lagi fungsinya sebagai warisan pendidikan di bandar Diraja Kuala Kangsar. Kesimpulannya jelas menunjukkan bahawa MCKK sebahagian daripada tarikan utama bandar Diraja Kuala Kangsar kerana reka bentuk seni bina unik yang menjelaskan peristiwa bersejarah dan monumen yang bermakna. Ia mempunyai landskap yang menarik, cantik dan unik malahan MCKK juga mengekalkan kegemilangan akademik dan kokurikulum.



Rajah 5. Makam Diraja

Sumber: Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak (2020); Kajian lapangan (2020)

Tarikan kelima merupakan makam Diraja. Terdapat 20 makam Diraja di sekitar Kuala Kangsar. Terdapat satu Makam Diraja yang menempatkan Makam Almarhum Sultan-Sultan Perak, Almarhum Raja Perempuan-Raja Perempuan dan kerabat Diraja Perak iaitu Makam Diraja Al-Ghufran Bukit Chandan. Makam Diraja Al-Ghufran ini terletak bersebelahan dengan Masjid Ubudiah. Ia siap dibina pada 1915. Pada tahun 1916, Sultan pertama yang dimakamkan di Makam ini adalah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Murshidul Azzam Shah. Sehingga kini, makam ini menempatkan 8 orang Sultan Perak, 7 orang Raja Perempuan Perak, Raja Muda Perak, Raja DiHilir Perak, Raja-Raja Bergelar, anakanda-anakanda Sultan Perak serta pembesar Negeri Perak. Walau bagaimanapun, Makam Diraja Al-Ghufran ini tidak boleh dijadikan sebagai produk pelancongan disebabkan oleh faktor sensitiviti. Namun, pelancong boleh melihat di luar kawasan kerana ia terletak hanya bersebelahan dengan Masjid Ubudiah. Kebanyakan pelancong yang beragama Islam tidak melepaskan peluang untuk memberi penghormatan serta berdoa untuk Almarhum Sultan-Sultan yang dimakamkan di sini (Laman Web Rasmi Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak, 2020).

### 3. Sifat *Tangible* dan *Intangible* di Kuala Kangsar

Pengenalan kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 warisan dipecahkan kepada warisan ketara dan warisan tidak ketara. Menurut Yuszaidy et al. (2010) menjelaskan bahawa Akta ini merangkumi semua perkara yang melibatkan perundangan dan pemuliharaan. Kewujudan warisan budaya di Malaysia telah melalui satu proses sejarah yang panjang dengan bertunjangan kepada imej arus perdana yang bersifat nasional. Hal ini demikian kerana telah sekian lama ia menjadi milik bersama dan justeru itu ia mampu mewujudkan rasa kepunyaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Menurut Samsudin dan Sulong (2013), warisan bersifat ketara dan tidak ketara mempunyai kelebihan tersendiri untuk dibangunkan. Warisan ketara lebih mudah kekal atau dibina semula kerana ianya terdiri daripada bangunan atau monumen yang terbentuk pada satu masa dahulu. Namun demikian, tidak kira ianya dibina ribuan tahun, monument ini berpotensi untuk dibangunkan semula kerana ia masih kekal dan boleh dipulihara. Dalam membangunkan warisan sejarah, ia memerlukan gabungan tenaga pakar daripada ahli-ahli sejarah, ahli seni bina, tokoh budaya dan arkeologi. Bagi warisan budaya, ia memerlukan masyarakat untuk mengekalkan bersama-sama kerana ia merupakan amalan turun temurun (Borg et al., 1996). Namun demikian, warisan budaya menghadapi kepupusan kerana budaya dalam masyarakat mengalami pembaharuan apabila masyarakat itu sendiri berusaha mengubahsuai bentuk kehidupan mereka dari semasa ke semasa. Terdapat dua kategori warisan yang dinyatakan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dengan mengambil kira keperluan aspek fizikal atau spatial dan sedikit penambahan dibuat mengikut kesesuaian pemeliharaan warisan. Terdapat dua kategori utama iaitu warisan ketara (*tangible*) dan warisan tidak ketara (*intangible*). Jadual 2 menunjukkan sifat *tangible* dan *intangible* di bandar Diraja Kuala Kangsar.

Jadual 2. Sifat *tangible* dan sifat *intangible* di bandar Diraja Kuala Kangsar

Sifat <i>Tangible</i>		Sifat <i>Intangible</i>	
i.	Masjid Ubudiah	i.	Istiadat Pertabalan DYMM Sultan Perak
ii.	Istana Kenangan	ii.	Istiadat Perkahwinan Diraja
iii.	Galeri Sultan Azlan Shah	iii.	Istiadat Pemakaman Diraja
iv.	Istana Iskandariah	iv.	Hari Keputeraan DYMM Sultan Perak
v.	Jambatan Keret api Victoria		
vi.	Bangunan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)		
vii.	Makam Diraja dan Pahlawan		
viii.	Pokok Getah Pertama		
ix.	Menara Pavillion		

Dari aspek budaya di Kuala Kangsar, kajian memfokuskan kepada enam pencirian iaitu 1) cara hidup; 2) kepercayaan dan tingkah laku, nilai dan simbol budaya di Kuala Kangsar; 3) Adat resam; 4) Makanan; 5) Pakaian; dan 6) Hiburan.

Jadual 3. Ciri-ciri budaya di bandar Diraja Kuala Kangsar

Bil	Budaya	Huraian
1	Cara Hidup	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berpakaian mengikut budaya masing-masing</li> <li>- Menggunakan loghat atau dialek Bahasa Perak dalam komunikasi harian</li> <li>- Mementingkan adat perkahwinan</li> <li>- Hidup bersederhana</li> </ul>
2	Kepercayaan dan tingkah laku, nilai dan simbol budaya di Kuala Kangsar	
3	Adat resam	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Istiadat mengambil air untuk bersiram tabal</li> <li>- Beting beras basah</li> <li>- Adat hantar belanja</li> </ul>
4	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Laksa Kuale</li> <li>- Cendol</li> <li>- Rendang tok</li> <li>- Daging masak hitam</li> <li>- Kuih kandas</li> <li>- Tempoyak</li> </ul>
5	Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pakaian Puteri Perak (Tradisional)</li> <li>- Baju kurung</li> <li>- Baju melayu</li> </ul>
6	Hiburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Meriam besi (dimainkan sebelum hari raya Aidilfitri)</li> <li>- Memanah</li> <li>- Rebana Perak</li> </ul>

## Kesimpulan

Kajian ini membawa satu penemuan yang penting tentang bandar Diraja Kuala Kangsar sebagai satu simbol yang memberi representasi budaya Diraja dalam membangunkan negara bangsa di Malaysia. Kajian ini juga membuktikan bahawa ia menonjolkan elemen dan sisi warisan bersejarah kerana keunikan seni bina, bangunan, sifat *tangible* dan *intangible* serta landskap-landskap budaya. Di samping itu, ciri-ciri budaya seperti cara hidup kelazimannya yang menggunakan loghat Perak atau slanga komunikasi harian, cara berpakaian mengikut budaya negeri Perak. Seterusnya adalah kepentingan adat perkahwinan yang menjadi perlambangan kepada budaya Perak yang berbeza dengan negeri lain. Dari aspek adat resam pula, Kesultanan Melayu Perak masih mengekalkan adat istiadat turun temurun seperti istiadat mengambil air untuk bersiram tabal, adat beting beras basah serta adat perkahwinan yang masih lagi mengekalkan adat hantar belanja.

Seterusnya, dari budaya cara berpakaian menunjukkan pakaian tradisional Puteri Perak masih dikekalkan sehingga kini manakala pakaian baju kurung dan baju melayu masih menjadi pakaian tradisional yang dipakai ketika sambutan hari perayaan, majlis perkahwinan mahupun pakaian seharian di Kuala Kangsar.

Secara umumnya, hiburan yang sentiasa kekal di Kuala Kangsar adalah permainan meriam besi yang dimainkan sebelum hari raya Aidilfitri serta permainan rebana yang akan dianjurkan tatkala majlis perkahwinan dilangsungkan. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa budaya di Kuala Kangsar masih dikekalkan dengan kelaziman biasa yang menjadi bandar Diraja Kuala Kangsar sebagai sebuah bandar yang membudayakan negara bangsa.

**Penghargaan:** Ucapan terima kasih diucapkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar kerana terlibat secara langsung dan membenarkan kajian ini dilaksanakan di sekitar Kuala Kangsar.

## Rujukan

- Ambary, H.M. (1991). Sumberdaya cultural Banten Lama: potensi serta pemanfaatannya. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 4, 30-44.
- Bennett, T. (2015). Cultural studies and the culture concept. *Cultural Studies*, 29(4), 546-568. <http://dx.doi.org/10.1080/09502386.2014.1000605>
- Borg, J.V.D., Costa, P. & Gotti, G. (1996). Tourism in European heritage cities. *Annals of Tourism Research*, 23(2), 306-321. [http://dx.doi.org/10.1016/0160-7383\(95\)00065-8](http://dx.doi.org/10.1016/0160-7383(95)00065-8)
- Bourdieu, P. (1986). The forms of Capital in Richardson J (Ed.) *handbook of theory and research for the sociology education*. Westport, CT: Greenwood.
- Calver, S.J. & Page, S.J. (2013). Enlightened hedonism: Exploring the relationship of service value visitor knowledge and interest, to visitor enjoyment at heritage attractions. *Tourism Management*, 39(13), 23-36. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tourman.2013.03.008>
- Che Leh, F., Yunus, N.K.Y., Omar, B. & Razak, A.Z.A.A. (2013). Konsep pemasaran tempat dan kepentingannya dalam sektor pelancongan: Kajian kes di bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak. *Perspektif*, 5(3), 68-79.
- Che Leh, F., Yunus, N.K.Y., Omar, B. & Razak, A.Z.A.A. (2013). Trend kedatangan pelancong dan implikasi terhadap strategi pemasaran di bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak. *Geografi*, 1(2), 101-111.
- Daengbuppha, J., Hemmington, N. & Wilkes, K. (2006). Using grounded theory to model visitor experiences at heritage sites: Methodological and practical issues. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 9(4), 367-388. <http://dx.doi.org/10.1108/13522750610689096>
- Hsu, C.H.C. & Huang, S.S. (2015). Reconfiguring Chinese cultural values and their tourism implications. *Tourism Management*, 54, 230-242. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tourman.2015.11.011>
- Jimura, T. (2011). The impact of world heritage site designation on local communities - A case study of Ogimachi, Shirakawa-mura, Japan. *Tourism Management*, 32(2), 288-296. <http://dx.doi.org/10.1016/j.tourman.2010.02.005>
- Joseph, P. & Gilmore, G.H. (1998). Welcome to the experience economy. *Harvard Business Review*, 76(4), 97-105. <http://dx.doi.org/10.4337/9781781004227.00007>
- Leung, K., Bhagat, R.S., Buchan, N.M., Erez, M. & Gibson, C.B. (2005). Culture and international business: Recent advances and their implications for future research. *Journal of International Business Studies*, 36(4), 357-378. <http://dx.doi.org/10.1057/palgrave.jibs.8400150>
- Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. (2020, November 16). *Pelancongan 2020*. <http://www.mpkpk.gov.my/ms>
- Malcolm, D. J. (2004). Borrowed robes: The educational value of costumed interpretation at historic sites. *International Journal of Heritage Studies*, 10(3), 277-293. <http://doi.org/10.1080/1352725042000234451>
- Mollegaard, S. & Jaeger, M.M. (2015). The effect of grandparents' economic, cultural and social capital on grandchildren's educational success. *Research in Social Stratification and Mobility*, 42, 11-19. <http://doi.org/10.1016/j.rssm.2015.06.004>
- Musa, M.Z. & Rahman, N.H.S.N.A. (2010). Peranan budaya dalam mempromosikan keharmonian di Asia Tenggara. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 1(2), 1823-189.
- Oatey, S.H. (2008). *Culturally speaking culture, communication and politeness theory*. (2<sup>nd</sup> edition). Sage.

- Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Negeri Perak. (2020, November 16). *Informasi Kesultanan 2020*. <http://sultan.perak.gov.my/index.php>
- PLANMalaysia@Perak (2020, November 16). *Sistem perancangan pempajuan 2020*. <http://jpbd.perak.gov.my/jpbd/>.
- Poria, Y., Reichel, A. & Brian, A. (2006). Heritage site management motivations and expectations. *Annals of Tourism Research*, 33(1), 162-178. <http://doi/10.1016/j.annals.2005.08.001>
- Poria, Y., Butler, R. & Airey, D. (2003). The core of heritage tourism. *Annals of Tourism Research*, 30(1), 238-254. [http://doi.org/10.1016/S0160-7383\(02\)00064-6](http://doi.org/10.1016/S0160-7383(02)00064-6)
- Samsudin, M. & Mohamad, S. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 99-109.
- Saidi, Z.A., Tahir, Z., Malek, J.A., & Yusoff, M.Y.M. (2022). *Royalscape* Diraja satu perwakilan asas pelancongan bandar Diraja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(6), 167-181.
- Saidi, Z.A., Ahmad, H., & Jusoh H. (2020). Pelancongan bandar Diraja: Satu pola kunjungan pelancong domestik di Kuala Kangsar. *Journal of Social Sciences and Humanities* 5(1): 15-31. <http://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.348>
- Yuszaidy M.Y., Hanapi, D., Ab.Samad, K., & Mohamed Anwar, O.D. (2010). Pembangunan warisan di Malaysia: Tinjauan umum tentang dasar. *Jurnal Melayu*, 5, 277-283.
- Zeppel, H. (2002). Cultural tourism at the Cowinchan native village, British Columbia. *Journal of Travel Research*, 41, 92-100. <http://doi.org/10.1177/0047287502041001011>